

LAFIY
UMRAH



MODUL UMRAH

LAFIY TRAVEL

☎ 011-3743.3026

🌐 www.Lafly.com/umrah

FB:: Laflyumrah
Tiktok: Laflyumrah



HURUNGHISTA3DIN
011-2742 3026

NIAT UMRAH

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahajaaku niat UMRAH dan akuberihram
dengannya kerana Allah Ta'ala

NIAT BADAL UMRAH

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ عَنْ (nam) وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja ku niat BADAL UMRAH bagi (nam)
dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta'ala.

TALBIAH

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ
الْحَمْدَ، وَالنِّعْمَةَ، لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ

Aku datang menyahut panggilan Mu Ya Allah.
Aku datang menyahut panggilan Mu.
Aku datang menyahut panggilan Mu tiada sekutu bagi Mu. Aku
menyahut panggilan Mu. Sesungguhnya segala pujian, nikmat dan
kekuasaan adalah milik Mu,
tiada sekutu bagi Mu

Niat Umrah dan badal umrah	1
Bacaan Talbiah	1

BAHAGIAN 1

CARA MENGERJAKANUMRAH

Ibadah Umrah dan keutamaannya	3
Persediaan Jiwa	4
Kelebihan Ibadah Umrah	7
Adab-adab batin semasa mengerjakan Umrah	8
Panduan Umrah jemaah wanita	9
Penghayatan Rohani	10
Taubat	13
Rukun & Wajib Haji	14
Langkah-Langkah Ringkas Mengerjakan Umrah	14

MENJELANG KEBERANGKATAN

Doa dan solat Sunat Safar	15
Doa Keluar Rumah	18
Doa Naik Kenderaan	19
Doa Naik Kapal Terbang	19
Doa memasuki sesuatu Negeri	20
Adab-adab di Tanah Haram	21
Doa apabila nampak kota mekkah	22
Doa masuk ke tanah haram	23
Doa masuk ke Masjidil Haram	24
Doa ketika melihat Kaabah	25
Doa di tempat bertamadun Islam yang dikunjungi	26
Doa Ziarah Ma'la	27

PERSIAPAN UNTUKBERIHRAM

Gambar Pakaian Full Ihram	28
Sunat Ihram	29

RUKUN PERTAMA: NIAT	
Niat Umrah / Niat Badal Umrah	30
Niat Umrah Bersyarat	30
Larangan-Larangan Ihram	32
RUKUN KEDUA:TAWAF	
Syarat & Sunat Tawaf	32
Cara mengerjakan Tawaf	33
Jenis Tawaf & Niatnya	35
Rajah Kabah	36
Doa menuju ke Hajar Aswad	36
Istilam Hajar Aswad & Doa Rukun Yamani	37
Bacaan Tawaf Pertama	38
Bacaan Tawaf kedua	39
Bacaan Tawaf Ketiga	40
Bacaan Tawaf Keempat	41
Bacaan Tawaf Kelima	42
Bacaan Tawaf Keenam	43
Bacaan Tawaf Ketujuh	44
Solat Sunat Tawaf & Doa	45
Doa di Multazam	49
Doa Di Hijir Ismail	50
Doa & Cara Minum Air Zam-zam	52
RUKUN KETIGA:SA'IE	
Syarat & Sunat Saie	53
Niat & Bacaan Keitka di Atas Bukit Safa	54
Bacaan Pertama (Safa ke Marwah)	56
Bacaan Kedua (Marwah ke Safa)	58
Bacaan Ketiga (Safa Ke Marwah)	61
Bacaan Keempat (Marwah Ke Safa)	63
Bacaan Kelima (Safa Ke Marwah)	66
Bacaan Keenam (Marwah ke Safa)	69
Bacaan Ketujuh (Safa ke Marwah)	72
Doa Selepas Saie	75

**RUKUN KEEMPAT :
BERCUKUR/BERGUNTING**

Doa Ketika Bercukur/Bergunting	76
Doa Selepas Bercukur/Bergunting	77
Doa Selepas Tawaf Wada'	78

Bahagian 2

MADINAH

Doa Apabila Kelihatan Rumah-rumah di Madinah	81
Adan di Kota Madinah	82
Adab Masuk Masjid Nabawi	83
Doa Semasa di Raudhah	84
Memberi Salam kepada Nabi SAW	85
Memberi Salam Kepada kedua Khalifah	86
Doa Menyampaikan Salam saudara	88
Doa Ziarah Baqi'	89
Doa Ziarah Syuhada Uhud & Jabakl Uhud	100
Doa Ziarah Wada'	102

Bahagian 3

SOLAT

Solat Jamak & Qasar	105
Solat Jenazah	107
Solat Taubat	108
Solat Tahajud	110
Solat Isyraq	113
Solat Awwabin	114
Solat Hajat	114
Solat Witir	116
Sujud Tilawah	116
Sujud Syukur	117
Sujud Sahwi	117
Niat & adab Iktikaf	118

CARA MENGERJAKAN UMRAH

IBADAH UMRAH DAN KEUTAMAANNYA

Firman Allah Ta'ala:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Dan sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah. (Al-Baqarah: 196) Dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ
الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا

*Satu umrah ke satu umrah menghapuskan dosa di antara keduanya, dan haji yang mabrur tiada balasan baginya melainkan syurga (H.R Jamaah melainkan Abu Dawud)
Diterima dari Aisyah r.a katanya:*

يَا رَسُولَ اللَّهِ! هَلْ عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ؟ قَالَ ﷺ :
"نعم، جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيهِ، الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ"

Saya tanyakan kepada Rasulullah : "Wahai Rasulullah, adakah pada wanita itu jihad?" Jawab Baginda: "Ya, jihad tanpa pertempuran, iaitu Haji dan Umrah." (H.R Ibn Majah, Baihaqi dan lain-lain dengan sanad-sanad yang sah)

Umrah bererti, berkunjung ke Baotullah Al-Haram dengan niat mengerjakan ibadah Umrah dan ia boleh dikerjakan pada bila-bila masa sahaja, tetapi lebih utama pada bulan Ramadhan.

Sabda Rasulullah s.a.w:

عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حَجَّةً.

Berumrah pada bulan Ramadhan sama nilainya dengan Haji.

PERSEDIAAN JIWA MENJELANGKEBERANGKATAN

1. Memohon restu dan redha dari orang tua, mengunjung dan menziarahi keluarga kerabat dan sahabat untuk meminta maaf atas segala kesalahan dan kesilapan.
2. Bertaubat nasuha yang sebenarnya bermakna meninggalkan pekerjaan maksiat atas dosa itu dan menyesalinyaserta berazam dengan seikhlasnya tidak akan mengulangnya lagi.
3. Solat sunnat taubat dua, empat atau enam rakaat, dua rakaat dengan satu salam.
4. Solat sunat hajat, memohon agar mendapat rahmat dan barakah, kesihatan dan kemudahan dalam melaksanakan ibadah ini.
5. Menyelesaikan kezaliman bermakna menyelesaikan urusannya dengan orang yang berhak dengan meminta maaf, meminta halal atau mengembalikan apa yang mesti dikembalikan.
6. Membayar hutang sekadar kemampuan atau sekurangnya meminta izin kepada yang punya piutang.
7. Mempersiapkan nafkah perbelanjaan harian bagi anak isteri yang ditinggalkan selama pelaksanaan ibadah haji.
8. Memastikan wang yang digunakan untuk perbelanjaan haji itu halal, diperolehi dengan jalan usaha yang dibenarkan agama.
9. Bersedekah walaupun sedikit sebelum berangkat kerana sedekah itu menghindari balabencana.
10. Bermiat ikhlas menunaikan farhu haji bukan kerana riak dan takbur tapi untuk mendapatkan keredhaan Allah.

KELEBIHAN IBADAH UMRAH

Setiap ibadah yang telah diperintahkan Allah Ta'ala untuk kita mengerjakannya sudah tentu mengandung banyak kelebihan dan hikmahnya, begitulah pula halnya dengan ibadah umrah, maka di antara hikmahnya ialah:

- Melahirkan tanda tunduk dan patuh kepada perintah Allah ta'ala.
- Mensyukuri nikmatNya yang tidak terkira.
- Memperkuat keimanannya dan keyakinan terhadap ajaran Islam dengan melihat tempat-tempat bersejarah sejak Islam mula berkembang.
- Menambahkan pengetahuan di bidang sejarah perkembangan agama Allah sejak zaman dahulu hingga ke zaman Nabi Muhammads. a. w.
- Mendidik diri supaya khusyuk dan tawaduk sebagai hamba Allahta'ala.
- Dapat berkenalan dan memperkuat lagi ukhuwah Islamiyah.
- Melatih umat Islam mengatur ekonominya dengan adanya usaha-usaha umrah.
- Orang yang mengerjakannya dengan ikhlas akan dapat pengampunan dan keredhaan Allah ta'ala.

ADAB-ADAB BATIN SEMASA MENERJAKAN UMRAH

ADAB-ADAB BATIN YANG PERLU DIPERHATIKAN

- Perbelanjaan yang digunakan haruslah dari harta yang halal, niat beribadah semata-mata kerana Allah ta'ala dan membesarkan syariatNya.
- Gunakan kesempatan untuk melahirkan kebaikan budi dengan memperbanyak sedekah, tidak terlalu bakhil dan tidak terlalu boros.
- Jangan melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan nafsu syahwat, sama ada melalui perbualan, bercumbuan atau penglihatan.
- Jangan melakukan perbuatan fasiq, iaitu segala perbuatan yang boleh menarik seseorang jauh dari mentaati Allah ta'ala.
- Jangan bertengkar atau bergaduh yang boleh membawa kepada permusuhan di antara satu sama lain.
- Jauhi dari berpakaian yang berlebih-lebihan, jangan berlagak seperti orang yang boros dan sombong.
- Apabila memasuki kota Makkah, hendaklah dimaklumi bahawa ia telah berada di kawasan suci. Maka sewajarnya berasa bimbang jika tidak merasa dirinya dekat kepada Allah ta'ala. Oleh itu hendaklah ia sentiasa mengharapkan rahmat dari Allah ta'ala.
- Ketika melihat Ka'abah, hendaklah merasakan kebesaran dan keagungan Allah dengan penuh harapan akan dapat melihat Allah di hari kiamat.
- Semasa bertawaf di Ka'abah, hendaklah ia merasakan dirinya seperti para Malaikat Muqarrabin yang sentiasa bertawaf keliling Arasy Allah.
- Ketika bersa'ie antara Safa dan Marwah, hendaklah merasa bagaikan hamba yang bimbang tentang kemusnahan diri dan miliknya, dengan berulang kali pergi dan kembali untuk menunjukkan keikhlasan dan pengabdian sambil mengharapkan perhatian Tuhan yang penuh rahmat.
- Semasa bercukur/menggunting rambut, hendaklah berasa hamba dan menurut perintah tanpa banyak bicara serta penuh penghambaan, mengharapkan pengampunan Tuhannya serta dimuliakan darjatnya.

PANDUAN UMRAH JEMAAH WANITA

IBADAH UMRAH & WANITA

Diterima dari Aisyah r.a katanya: *Saya tanyakan kepada Rasulullah : "Wahai Rasulullah, adakah pada wanita itu jihad?" Jawab Baginda: "Ya, jihad tanpa pertempuran, iaitu Haji dan Umrah."* (H.R Ibn Majah, Baihaqi dan lain-lain dengan sanad-sanad yang sah)

PAKAIAN WANITA DALAM IHRAM

Panduan wanita dalam berpakaian bagi mendapatkan haji yang mabrur:

1. Pakaian longgar dan labuh, warna yang tidak garang dan tidak jarang.
2. Tudung kepala yang labuh menutupi dada.
3. Pakaian yang terkena minyak wangi.
4. Tidak boleh menutup muka.

WANITA DALAM HAIDH & NIFAS

Diriwayatkan dari Bukhari dari Aisyah r.a berkata: Aku sampai ke Makkah sedang aku dalam keadaan haid, dan aku belum lagi menunaikan tawaf, dan belum juga menunaikan Sa'ie antara Safa dan Marwah, maka aku mengadu kepada Rasulullah s.a.w dan beliau berkata:

"Kerjakanlah segala pekerjaan yang dilakukan oleh orang yang menunaikan Haji kecuali janganlah kamu melakukan tawaf, sehingga kamu menjadi suci (dari haid)."

Wanita ketika sedang haid dan nifas hendaklah menggantikan kekurangan ibadah fardunya dengan banyak bertasbih, berzikir, berselawat dan berdoa. Mereka hanya dibolehkan mengingati bacaan Al-Quran di dalam hati tanpa melafazkannya. Begitu pula melihat pada Al-Quran (tetapi tidak menyentuhnya) dan membacanya dalam hati.

PENGHAYATAN ROHANI

UMRAH DENGAN BADAN, UMRAH DENGAN AKAL FIKIRAN DAN UMRAH DENGAN HATI

- Ketika anda mandi, sebelum berada di dalam keadaan berhram, anda seolah-olah 'membersihkan diri' dari kesilapan dan dosa yang lalu dan menyatakan kepada yang Maha Kuasa yang anda sudah bersiap sedia untuk memulakan kehidupan baru yang dirahmatinya.
- Kain ihram adalah pakaian yang melambangkan kebenaran, kesucian, keserdahanan dan ketakutan. Anda mestilah menjauhi diri dari segala yang menghalang mereka dari mengingati dan mentaati Allah Yang Mengasihani.
- Berada dalam keadaan ihram adalah saat yang penuh erti tatkala anda menyedari yang harta dan kehendak dunia tidak diperlukan untuk menuju kepada Yang Maha Agung.
- Seragam ihram yang membezakan anda sebagai tentera Tuhan Yang Esa. Ia menjadi lambang ketaatan dan khidmat pada yang Maha Esa. Semuanya berbaris menuju ke satu arah untuk menunjukkan kasih mereka kepada Tuhan.
- Dua helai kain yang tidak berjahit (yang ditenun), menggantikan pakaian lelaki sebagai peringatan buat anda akan kain kafan. Supaya mereka dapat merasakan kematian sebelum ianya terjadi.
- Ihram adalah tanda peringatan yang hebat bahawa kekayaan, kuasa dan status tiada ertinya didalam pergerakan hamba menuju kepada Pencipta yang Mengasihi. Semua dipandang sama disisi Tuhan.
- Berada dalam keadaan ihram melambangkan pergerakan anda sentiasa dijauhi dari keadaan yang merugikan. Dengan mengikuti golongan yang beriman, beramal soleh. Serta berpesan dengan perkara yang benar dan kesabaran.

- Sebelum memasuki Miqat, anda mesti menyatakan (mengucap) niat melakukan Umrah. Ini adalah pernyataan hamba terhadap seruan dari Yang Maha Kuasa; membawa seluruh diri dari sebuah kehidupan yang melalaikan kepada pengabdian didalam umrah.
- Umrah bukanlah suatu pemergian. Ia adalah satu kepulangan. Anda bukanlah ke Makkah tetapi pulang kepada yang Maha Esa Allah, sumber segala-segalanya.
- Anda adalah tetamu Yang Maha Kuasa. Tertakluk kepada peraturan Yang Maha Pelindung. Keadaan ini adalah sebagai peringatan buat anda yang anda adalah sekadar tetamu Allah di dunia tertakluk kepada undang undang. Pemiliknya yang sebenar, Allah di dunia tertakluk kepada undang undang. Pemiliknya yang sebenar, Allah yang Maha Agung. Menyangkakan memiliki segala-galanya adalah satu illusi dan ini adalah punca segala masalah buat kita.
- Dalam melafazkan talbiyah, anda menyahut panggilan Allah yang Maha Mengasihani. Harus mengingat kembali saat apabila sangkakala yang kedua dititup, manusia akan dibangkitkan di padang masyar dibahagikan kepada dua golongan yang diberi nikmat dan dimurkai.
- Ka'abah itu adalah lambang yang nyata (zahir) dipandangan dunia bagi Mahkamah Ilahi di alam yang Ghaib.
- Tiada apa-apa dalam ka'abah. Ianya adalah kasas kosong. Tetapi 'kekosongan' itu menyambung 'segala-galanya' iaitu Allah Yang Maha Kaya, sumber buat segala-gala. Dalam menghadapnya, anda menguatkan lagi kepercayaan terhadap Pencipta yang Maha Esa.
- Apabila anda mengangkat tangan kanan, menghadap Hajar-Al-Aswad lalu membaca "Dengan Nama Allah, Allah Maha Besar", mengangkat sumpah (janji setia) di hadapan rumah Allah dan berikrar untuk memenuhi janji taatnya, iaitu menjalani kehidupan yang digaris pandu oleh Allah. Dia menekankan ikrarnya berulang kali ketika umrah.

- Tiada tempat perhentian di Tawaf. Ianya berakhir di tempat ia dimulakan nyata datang dari Tuhan dan ia akan dikembalikan kepada Tuhan juga.
- Dalam tawaf, anda adalah sebahagian daripada sungai yang mengalir ke arah lautan kekal. Kehidupan ini adalah satu perjalanan pulang kepada Allah yang Maha Pengampun. Kehidupan di dunia ini adalah sementara manusia haruslah hidup seperti seorang pengembara.
- Anda bergerak dalam putaran. Kerana ianya adalah satu perjalanan intisari. Ianya tidak lurus tetapi berputar. Ianya berakhir di tempat permulaan.
- Konsep kebaratan, ketimuran, keselataan dan keutaraan yang dikenakan akan dimusnahkan Allah adalah Tuhan Yang Agung disebelah timur dan juga barat.
- Sai'e membawa kita kesedaran. Berusaha dan bertawakal kepada Allah
s.w.t akan membuahkan hasil yang betul, sama seperti apa yang dilakukan seorang ibu yang berlari-lari mencari air di padang pasir yang tandus.
- Allah adalah Maha Pengampun dan Dialah teman setia dalam segala usaha luhur kita tetapi Dia ingin kita membuat bahagian yang pertama kepada Hajar, keputusan dalam mencari Zamzam. Datang bukan dengan usaha tetapi setelah berusaha.
- Anda tidak akan tahu sama ada umrahnya telah diterima atau tidak. Dia akan merasai perubahan melalui hatinya dan tingkah lakunya.

TAUBAT

Sesungguhnya Allah menyukai hamba-hambanya yang sentiasa bertaubat dan mensucikan diri. Kita sebagai hambanya yang lemah tidak lepas dari dosa. Maka Nabi mendidik ummatnya untuk sentiasa meminta keampunan dari Allahs.w.t.

Ibnu Mas'ud R.A. berkata bahawa Nabi s.a.w bersabda: Barangsiapa berkata:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا
هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَ أَتُوبُ إِلَيْكَ

Aku memohon ampun kepada Allah yang Maha Agung yang mana tiada Tuhan melainkan Dia yang hidup lagi berdiri dengan sendirinya, dan aku bertaubat kepadaNya.

Maka diampunkan dosanya walaupun ia lari dari medan perang. Dan Nabi s.a.w bersabda lagi:

"Tidak berkekalan melakukan dosa orang yang memohon ampun walaupun kembali melakukan dosa tujuh puluh kali dalam sehari.

Dari Abu Hurairahujarnya - Rasulullah bersabda: Barangsiapa mengucapkan

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ (100x)

Maka akan dihapus dari dirinya segala kesalahannya sekalipun banyaknya serupa buih di lautan

RUKUN & WAJIB UMRAH

RUKUN	WAJIB
1. Niat Ihram 2. Tawaf Umrah 3. Sa'i 4. Bercukur / Bergunting 5. Tertib	1. Bermiat di Miqat. 2. Meninggalkan larangan Ihram.

10 LANGKAH RINGKAS MENERJAKAN UMRAH

1. Mandi Sunat Ihram
2. Solat Sunat Ihram
3. Pakaian Ihram
4. Niat di Miqat
5. Talbiyah sehingga mula Tawaf
6. Tawaf Umrah
7. Solat Sunat Tawaf
8. Minum Air Zam-zam
9. Sa'ie Umrah
10. Bercukur/Bergunting

MENJELANG KEBERANGKATAN

Doa & Solat Sunat Safar

Niat Solat Safar

Apabila telah tiba masa untuk berangkat, di sunnahkan solat dua rakaat sebelum keluar dari rumah.

أُصَلِّي سُنَّةَ السَّفَرِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat sunat safar dua rakaat kerana Allah Ta'ala

Rakaat Pertama	Surah Al-Fatihah	Surah Al-Kaafirun
Rakaat Kedua	Surah Al-Fatihah	Surah Al-Ikhlâs

DOA SELEPAS SOLAT SAFAR

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ،
وَ أَنْتَ الْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ وَالْمَالِ

وَ الْوَلَدِ وَ الْأَصْحَابِ، إِخْفَظْنَا وَ إِيَّاهُمْ
 مِنْ كُلِّ آفَةٍ وَ عَاقِبَةٍ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي صَبِيرِنَا هَذَا
 الْبِرَّ وَ التَّقْوَى، وَ مِنْ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَطْوِيَ لَنَا الْأَرْضَ،
 وَ تُهَوِّنَ عَلَيْنَا السَّفَرَ وَ أَنْ تَرْزُقَنَا فِي سَفَرِنَا هَذَا
 سَلَامَةَ الْبَدَنِ وَ الدِّينِ وَ الْمَالِ،
 وَ تُبَلِّغَنَا حَجَّ بَيْتِكَ الْحَرَامِ وَ زِيَارَةَ نَبِيِّكَ
 مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ
 مِنْ وَعْثَاءِ السَّفَرِ، وَ كَأَبِيةِ الْمَنْظَرِ وَ سُوءِ الْمُنْقَلَبِ
 فِي الْأَهْلِ وَ الْمَالِ وَ الْوَلَدِ وَ الْأَصْحَابِ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا وَ إِيَّاهُمْ فِي جَوَارِكَ، وَ لَا تُسَلِّبْنَا
 وَ إِيَّاهُمْ نِعْمَتَكَ، وَ لَا تُغَيِّرْ مَا بَيْنَا وَ بَيْنَهُمْ مِنْ عَافِيَتِكَ.
 اللَّهُمَّ إِلَيْكَ تَوَجَّهْتُ، وَ بِكَ اعْتَصَمْتُ.
 اللَّهُمَّ اكْفِنِي مَا أَهْمَنِي وَ مَا لَمْ أَهْتَمَّ بِهِ.
 اللَّهُمَّ زَوِّدْنِي التَّقْوَى وَ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي.

Ya Allah, Engkaulah rakan dalam perjalanan ini dan Engkaulah penjaga bagi keluarga, harta, anak-anak dan teman. Peliharalah kami dan mereka daripada segala penyakit dan bencana. Ya Allah, kami memohon dari Mu kebaikan dan

ketaqwaan dengan perjalanan kami ini, serta amalan-amalan yang diredhai.

Ya Allah kami memohon Engkau permudahkan perjalanan ini bagi kami, dan kami memohon Engkau anugerahkan kepada kami keselamatan pada jasad, agama dan harta kami sepanjang perjalanan kami ini. Dan menyampaikan kami ke rumahMu demi menunaikan haji dan menziarahi nabiMu Muhammad s.a.w. Ya Allah ya tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung denganMu daripada keburukan-keburukan safar, dan kami meminta perlindungan dariMu dari keburukan pada keluarga, harta, anak-anak dan sahabat-sahabat kami.

Ya Allah ya tuhan kami, masukkanlah kami dan mereka ke dalam perlindunganMu, dan janganlah Engkau tarik nikmatMu dari kami dan mereka. Dan janganlah Engkau ubah keyakinan kami dan mereka kepadaMu. KepadaMu ya Allah kami berserah dan kami berpegang erat. Ya Allah kurniakanlah aku kelepasan dari apa yang merunsingkanku dan perkara yang aku kurang memerhatikannya. Ya Allah ya tuhanku, tambahkanlah ketaqwaan dan ampunkanlah dosa-dosaku.

DOA KELUAR RUMAH

بِسْمِ اللَّهِ آمَنْتُ بِاللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ،
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.
رَبِّ أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أُضَلَّ، أَوْ أَذِلَّ أَوْ أُذَلَّ،
أَوْ أَزِلَّ أَوْ أُزَلَ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلِمَ، أَوْ أَجْهَلَ
أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ. اَللّهُمَّ إِنِّي لَمْ أَخْرُجْ أَشْرًا وَلَا بَطْرًا
وَلَا رِيَاءً وَلَا سُمْعَةً، بَلْ خَرَجْتُ اتِّقَاءَ سَخَطِكَ،
وَقَضَاءَ فَرَضِكَ، وَاتِّبَاعَ سُنَّةِ نَبِيِّكَ ﷺ
وَشَوْقًا إِلَى لِقَائِكَ.

Dengan nama Allah, aku beriman kepada Allah, aku berserah diri kepada Allah, tiada daya dan upaya kecuali Allah, ya Allah aku berlindung denganMu dari menyesatkan atau aku disesatkan, dan dari penghinaan atau dihina, dan dari kezaliman atau dizalimi, dan dari kebodohan atau diperbodohkan. Ya Allah sesungguhnya aku tidak keluar kerana tujuan yang jahat, atau sombong, atau untuk menunjuk-nunjuk, atau mencari nama. Akan tetapi aku keluar kerana ingin mengelak dari kemurkaanMu, dan mencari keredhaanMu, dan mengikut sunnah nabiMu dan kerana rindu kepada pertemuan denganMu.

DOA NAIK KENDERAAN

بِسْمِ اللَّهِ وَ بِاللَّهِ وَ اللَّهُ أَكْبَرُ،
تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَ لَا حَوْلَ وَ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ
الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ. مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ وَ مَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ.
سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَ مَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ.
وَ إِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ.

Dengan nama Allah, dan dengan pertolongan Allah, dan Allah maha Besar, tiada daya dan upaya kecuali Allah yang maha Tinggi dan Agung. Apa yang dikehendaki oleh Allah pasti akan berlaku, dan apa yang tidak dikehendakinya pasti tidak akan berlaku. Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan perjalanan kenderaan ini buat kami sedang kami tidak berkuasa atasnya, dan kepada Tuhan kami, kami semua akan kembali.

DOA NAIK KAPAL TERBANG

بِسْمِ اللَّهِ مَجْرِبَهَا وَ مُرْسَاهَا، إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَحِيمٌ


Dengan nama Allah yang menjalankannya dan yang memberhentikannya, sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

DOA MEMASUKI SESUATU NEGERI

اللَّهُمَّ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَ مَا أَظْلَلْنَ،
وَرَبُّ الْأَرْضِينَ السَّبْعِ وَ مَا أَقْلَلْنَ،
وَرَبُّ الشَّيَاطِينِ وَ مَا أَضَلَّلْنَ،
وَرَبُّ الرِّيَّاحِ وَ مَا ذَرَيْنَ،
فَإِنَّا نَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذِهِ الْقَرْيَةِ وَ خَيْرِ أَهْلِهَا،
وَ نَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَ شَرِّ أَهْلِهَا وَ شَرِّ مَا فِيهَا.

Ya Allah Tuhan bagi tujuh lapis langit dan segala yang dinaungiNya, dan Tuhan bagi tujuh lapis bumi dan segala yang ditanggungNya, dan Tuhan bagi seluruh syaitan dan segala yang disesatkan mereka, dan Tuhan kepada seluruh angin dan apa yang diterbangkanNya. Maka sesungguhnya kami meminta dariMu kebaikan tempat ini dan penduduknya. Dan kami berindung denganMu dari keburukan dan kerusakan tempat ini, keburukan penduduknya dan segala keburukan yang ada di dalamnya.

ADAB-ADAB DI TANAH HARAM



- Haram mengeluarkan tanah atau batunya ke Tanah Halal.
- Haram memotong atau menebang pohon kayu yang ada di tanah haram.
- Haram menangkap binatang pemburuan.
- Haram mengusir binatang.
- Haram membawa senjata dan pisau.
- Haram mengambil barang yang dijumpai.
- Haram memindah jenazah ke Tanah Halal.
- Orang kafir tidak dibenarkan masuk ke Tanah Haram.
- Haram berniat untuk membuat jahat walau tidak melaksanakannya.

DOA APABILA NAMPAK KOTA MEKKAH

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ لِيْ بِهَا قَرَارًا،
وَ ارْزُقْنِيْ فِيْهَا رِزْقًا حَلَالًا.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَ قِنَا عَذَابَ النَّارِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّ هَذَا الْبَلَدَ بَلَدُكَ،
وَ الْبَيْتَ بَيْتُكَ، جَنَّتْ اَطْلُبُ رَحْمَتَكَ،
وَ اَوْمُ طَاعَتِكَ، مُتَّبِعًا لِأَمْرِكَ، طَائِبًا لِقَوَائِكَ،
رَاضِيًا بِقُدْرِكَ، مُسْلِمًا لِأَمْرِكَ.
أَسْأَلُكَ مَسْأَلَةَ الْمُضْطَرِّ إِلَيْكَ،
الْمُشْفِقِ مِنْ عَذَابِكَ، أَنْ تَسْتَقْبِلَنِي بِعَفْوِكَ،
وَ أَنْ تَتَجَاوَزَ عَنِّي بِرَحْمَتِكَ،
وَ أَنْ تُدْخِلَنِي جَنَّتِكَ.

Ya Allah, berilah aku ketenangan dengan tempat ini, dan kurniakanlah rezeki yang halal ketika aku di dalamnya. Wahai Tuhan kamikurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan jauhkanlah kami dari azab neraka. Ya Allah sesungguhnya negeri ini negeriMu, dan rumah ini rumahMu, aku datang mengharapkan rahmatMu, dan kembali mentaatiMu, menurut perintahMu, mengharap pahalaMu, redha dengan qadarMu, berserah kepada suruhanMu. Aku bermohon dariMu seperti permohonan orang-orang yang sangat mengharap kepadaMu, permohonan orang-orang yang sangat takut kepada azabMu, agar Engkau terima aku dengan keampunan, dan Engkau maafkan aku dengan rahmatMu, dan Engkau masukkan aku ke syurgaMu.

DOA MEMASUKI TANAH HARAM

اَللّٰهُمَّ اِنَّ هٰذَا الْحَرَمَ حَرَمُكَ،
وَ الْبَلَدَ بَلَدُكَ وَ الْاَمْنَ اَمْنُكَ،
فَحَرِّمْنِيْ عَلٰى النَّارِ، وَ اَمِّنِّيْ مِنْ عَذَابِكَ
يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ.

Ya Allah, tanah haram ini tanah haramMu, dan negeri ini negeriMu, dan keamanan yang ada adalah keamananMu. Maka haramkanlah aku dari nerakaMu, dan kumiakanlah kemananan padaku dari azabMu di hari Engkau membangkitkan hamba-hambaMu.

DOA MEMASUKI SESUATU NEGERI

اللَّهُمَّ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَ مَا أَظْلَلْنَ،
وَرَبُّ الْأَرْضِينَ السَّبْعِ وَ مَا أَقْلَلْنَ،
وَرَبُّ الشَّيَاطِينِ وَ مَا أَضَلَّلْنَ،
وَرَبُّ الرِّيَّاحِ وَ مَا ذَرَيْنِ،
فَإِنَّا نَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذِهِ الْقَرْيَةِ وَ خَيْرَ أَهْلِهَا،
وَ نَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَ شَرِّ أَهْلِهَا وَ شَرِّ مَا فِيهَا.

Ya Allah Tuhan bagi tujuh lapis langit dan segala yang dinaungiNya, dan Tuhan bagi tujuh lapis bumi dan segala yang ditanggungNya, dan Tuhan bagi seluruh syaitan dan segala yang disesatkan mereka, dan Tuhan kepada seluruh angin dan apa yang diterbangkanNya. Maka sesungguhnya kami meminta dariMu kebaikan tempat ini dan penduduknya. Dan kami berlindung denganMu dari keburukan dan kerusakan tempat ini, keburukan penduduknya dan segala keburukan yang ada di dalamnya.

ADAB-ADAB DI TANAH HARAM



- Haram mengeluarkan tanah atau batunya ke Tanah Halal.
- Haram memotong atau menebang pohon kayu yang ada di tanah haram.
- Haram menangkap binatang pemburuan.
- Haram mengusir binatang.
- Haram membawa senjata dan pisau.
- Haram mengambil barang yang dijumpai.
- Haram memindah jenazah ke Tanah Halal.
- Orang kafir tidak dibenarkan masuk ke Tanah Haram.
- Haram berniat untuk membuat jahat walau tidak melaksanakannya.

DOA APABILA NAMPAK KOTA MEKKAH

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ لِيْ بِهَا قَرَارًا،
وَ ارْزُقْنِيْ فِيْهَا رِزْقًا حَلَالًا.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَ قِنَا عَذَابَ النَّارِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّ هَذَا الْبَلَدَ بَلَدُكَ،
وَ الْبَيْتَ بَيْتُكَ، جَنَّتْ اَطْلُبُ رَحْمَتَكَ،
وَ اُوْمُّ طَاعَتِكَ، مُتَّبِعًا لِأَمْرِكَ، طَالِبًا لِثَوَابِكَ،
رَاضِيًا بِقُدْرِكَ، مُسَلِّمًا لِأَمْرِكَ.
أَسْأَلُكَ مَسْأَلَةَ الْمُضْطَرِّ إِلَيْكَ،
الْمُشْفِقِ مِنْ عَذَابِكَ، أَنْ تَسْتَقْبِلَنِي بِعَفْوِكَ،
وَ أَنْ تَتَجَاوَزَ عَنِّي بِرَحْمَتِكَ،
وَ أَنْ تُدْخِلَنِي جَنَّتِكَ.

Ya Allah, berilah aku ketenangan dengan tempat ini, dan kurniakanlah rezeki yang halal ketika aku di dalamnya. Wahai Tuhan kamikurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan jauhkanlah kami dari azab neraka. Ya Allah sesungguhnya negeri ini negeriMu, dan rumah ini rumahMu, aku datang mengharapkan rahmatMu, dan kembali mentaatiMu, menurut perintahMu, mengharap pahalaMu, redha dengan qadarMu, berseerah kepada suruhanMu. Aku bermohon dariMu seperti permohonan orang-orang yang sangat mengharap kepadaMu, permohonan orang-orang yang sangat takut kepada azabMu, agar Engkau terima aku dengan keampunan, dan Engkau maafkan aku dengan rahmatMu, dan Engkau masukkan aku ke syurgaMu.

DOA MEMASUKI TANAH HARAM

اَللّٰهُمَّ اِنَّ هٰذَا اَحْرَمَ حَرَمُكَ،
وَ اَلْبَلَدَ بَلَدُكَ وَ اَلْأَمْنَ أَمْنُكَ،
فَحَرِّمْنِيْ عَلَى النَّارِ، وَ آمِنِّيْ مِنْ عَذَابِكَ
يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ.

Ya Allah, tanah haram ini tanah haramMu, dan negeri ini negeriMu, dan keamanan yang ada adalah keamananMu. Maka haramkanlah aku dari nerakaMu, dan kurniakanlah keamanan padaku dari azabMu di hari Engkau membangkitkan hamba-hambaMu.

DOA MEMASUKI MASJIDIL HARAM

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ، وَ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ،
و سُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.
بِسْمِ اللَّهِ:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ،
وَ ادْخُلْنِي فِيهَا، وَ سَهِّلْ لِي أَبْوَابَ رِزْقِكَ.
اللَّهُمَّ هَذَا حَرَمُكَ وَ مَوْضِعُ أَمْنِكَ،
فَحَرِّمْ لِحْمِي وَ بَشْرِي وَ عِظَامِي عَلَى النَّارِ.
اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَ مِنْكَ السَّلَامُ،
وَ إِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ، فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ،
وَ ادْخُلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا
وَ تَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَ الْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ أَنْ تَغْفِرَ لِي وَ تَرْحَمَنِي،
وَ تُقِيلَ عَثْرَتِي، وَ تَضَعَ وِزْرِي،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Aku berlindung kepada Allah yang maha Agung, dan dengan kemuliaannya, dan kekuasaannya, daripada syaitan yang direjam.

Ya Allah ampunkanlah dosaku dan bukannya bagiku rahmatMu, dan masukkanlah aku ke dalam rahmatMu, dan permudahkanlah bagiku pintu- pintu rezekiMu, wahai Tuhanku, ini adalah tanah haramMu (tempat suci) dan tempat keamananMu, maka haramkanlah dagingku dan kulitku dan tulangku dari api neraka.

Ya Allah, Engkau pemberi keselamatan, dan dariMu keselamatan, dan kepadaMu kembalinya keselamatan, maka hidupakanlah aku dalam kesejahteraan dan keselamatan. Dan masukkanlah aku ke dalam syurgaMu Darussalam, dengan keberkatan yang Engkau sediakan dan ketinggianMu wahai yang maha Mulia. Ya Allah, ampunilah aku dan rahmatilah aku, dan ringankan bebanku, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Pemurah.

DOA KETIKA MELIHAT KAABAH

اللَّهُمَّ زِدْ هَذَا الْبَيْتَ تَشْرِيفًا وَتَعْظِيمًا
وَ تَكْرِيمًا وَ مَهَابَةً، وَ زِدْ مَنْ شَرَّفَهُ وَ عَظَّمَهُ
مِنْ حَجَّهِ أَوْ اعْتَمَرَهُ، تَشْرِيفًا وَ تَكْرِيمًا وَ بِرًّا.
اللهم أنتَ السلام...

Ya Allah, tambahlah bagi rumah ini kemuliaan, kebesaran, kebaikan dan kehebatan, dan tambahlah kemuliaan, dan kebaikan bagi sesiapa yang memuliakannya dan mengagungkannya daripada mereka-mereka yang mengerjakan haji dan umrah.

**DOA DI TEMPAT BERTAMADUN ISLAM YANG
DIKUNJUNGI**

اللَّهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا وَ عَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا،
اللَّهُمَّ تَوَقَّنَا مُسْلِمِينَ، وَ اَلْحِقْنَا بِالصَّالِحِينَ.
اللَّهُمَّ إِنِّي أُوَدِّعْتُ هَذَا الْمَحَلَّ الشَّرِيفَ
مِنْ يَوْمِنَا هَذَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ خَالِصًا مُخْلِصًا،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَ رَسُولُهُ. الفاتحة

Ya Allah, terimalah ketaatan kami dan berilah kesihatan dan kemaafan kepada kami, ya Allah matikanlan aku dalam Islam, dan masukkanlah aku dalam golongan orang-orang yang soleh. Ya Allah, aku serahkan sepenuhnya penjagaan tempat yang mulia ini dari hari ini hingga hari qiamat kepadaMu. Aku bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad s.a.w hambaMu dan pesuruhMu.

DOA ZIARAH MA'LA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ،
وَ إِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ،
وَ رَحِمَ اللَّهُ غُرَبَاتِكُمْ، وَ تَجَاوَزَ اللَّهُ عَنْ سَيِّئَاتِنَا
وَ سَيِّئَاتِكُمْ. اَللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُمْ
وَ لَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُمْ وَ اغْفِرْ لَنَا وَ لَهُمْ،
اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ الْمَعْلَا.


Assalamualaikum wahai penghuni kaum yang beriman. Sesungguhnya kami insya Allah menuruti kamu dan akan bersama kamu. Allah merahmati pemergian mu, Allah mengampuni segala dosa-dosa kami dan dosa-dosa kamu.

Ya Allah, janganlah Engkau rugikan kami dari mendapat ganjaran mereka. Dan janganlah Engkau beri fitnah sesudah di tinggalkan mereka, dan ampunilah kami dan mereka.

Ya Allah, ampunilah ahli penghuni kuburan Ma 'ala.

PERSIAPAN UNTUK BERIHRAM

Pakaian Ihram



LELAKI

- Pakaian full ihram lelaki ialah 2 kain berwarna putih dan bersih
- Satu kain di pakai di bawah menutup aurat dan yang kedua bagi menutup tubuh bahagian atas
- Kain tidak berjahit

PEREMPUAN

- Pakaian Ihram wanita adalah yang menutup aurat ketika di luar rumah

SUNAT IHRAM

SEBELUM NIAT IHRAM

1. Membersihkan diri dengan mengetipkuku, mencukur misai dan menghilangkan bulu-bulu yang ada di badan.
2. Mandi sunat ihram beserta niat:

نَوَيْتُ غُسْلَ سُنَّةِ الْإِحْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sengaja aku mandi sunat ihram kerana Allah Ta'ala

3. Mewangi-wangikan tubuhnya.
4. Solat 2 rakaat sunat ihram

أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِحْرَامِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sengaja aku solat sunat Ihram dua rakaat kerana Allah Ta'ala

Rakaat Pertama	Surah Al-Fatihah	Surah Al-Kaafirun
Rakaat Kedua	Surah Al-Fatihah	Surah Al-Ikhlash

SELEPAS NIAT IHRAM

1. Membaca Talbiah mula tawaf untuk Umrah
2. menguatkan suara bagi lelaki dan perlahan bagi wanita

RUKUN PERTAMA:NIAT

Hukum berniat adalah rukun, sedangkan berniat di Miqat adalah wajib, maka sesiapa yang tidak menjatuhkan niat di Miqat, maka perlu membayar dam.

Setiap Jemaah hendaklah pastikan yang mereka telah menukar ke pakaian ihram sebelum menjatuhkan niat.

Sebaik sahaja berniat, disunnahkan bertalbiah dan wajib menjaga pantang larang ihram.

NIAT UMRAH

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku berniat UMRAH dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta'ala

NIAT BADAL UMRAH

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ عَنْ (na) وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku berniat BADAL UMRAH bagi (nama) dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta'ala

NIAT UMRAHBERSYARAT

Niat bersyarat digalakkan bagi mereka yang khuatir tidak dapat melaksanakan haji atau umrah setelah berniat, disebabkan sakit atau haidh dan seumpamanya. Dengan cara ini, jika berlaku keuzuran, dia boleh keluar dari ihram haji atau umrah dengan bergunting atau bercukur tanpa perlu mengeluarkan dam.

NIAT BERSYARAT INI BOLEH / HARUS BAGI 3 PERKARA :

1. WANITA YANG BELUM KEDATANGAN HAID (MASIH SUCI DAN AKAN HAID)

Niat Ketika Suci : *'Aku berniat mengerjakan umrah & berihram aku dengannya kerana Allah Ta'ala, dengan syarat sekiranya aku kedatangan Haid sebelum selesai tawaf maka Ketika itu aku jadi HALAL.*

2. WANITA YANG SEDANG KEDATANGAN HAID

Niat Ketika sedang Haid : *'Aku berniat mengerjakan umrah dan berihram aku dengannya kerana Allah dengan syarat sekiranya haid aku ini masih lagi menghalangi aku daripada mengerjakan segala rukun-rukun umrah, maka Ketika itu aku jadi HALAL.*

3. NIAT BERSYARAT UMUM (UNTUK LELAKI & WANITA)

"Aku berniat mengerjakan haji/umrah, dan aku berihram untuknya kerana Allah Ta'ala. Dan sekiranya aku dihalangi oleh sakit/haidh/ditahan, maka aku niat keluar daripada ihram haji/umrah tanpa menyembelih kambing."

PENJELASAN : Apabila berlaku sesuatu perkara mendatang seperti patah kaki, epilepsi, koma, hilang akal, kemalangan dan perkara-perkara tersebut menyebabkan jemaah tidak dapat meneruskan kerja-kerja Umrah, secara langsung terlepaslah dirinya daripada LARANGAN IHRAM dan dia juga tidak terikat lagi dengan kerja-kerja Umrah.

LARANGAN IHRAM

Setelah seseorang itu berniat untuk mengerjakan umrah, wajiblah dia menjauhi larangan-larangan semasa ihram

1. Memakai pakaian yang berkurung, termasuk kasut bagi lelaki
2. Menutup kepala atau sebahagiannya bagi lelaki
3. Menutup muka bagi wanita
4. Memakai sarung tangan bagi wanita dan lelaki
5. Menghilangkan, menggugurkan rambut atau mana-mana bulu di badan
6. Mengetip kuku
7. Menggunakan wangi-wangian
8. Melakukan akad nikah
9. Persetubuhan, membatalkan umrah
10. Melakukan perkara-perkara yang menaikkan syahwat seperti bersentuhan, berpeluk atau bercium
11. Memburu binatang darat yang boleh di makan
12. Memotong menebang atau mencabut tumbuh-tumbuhan di Tanah Haram

RUKUN KEDUA : TAWAF

Tawaf ialah perbuatan mengelilingi Kaabah dengan cara *anti-clockwise* sebanyak tujuh kali dengan syarat-syarat tertentu. Ianya adalah salah satu dari rukun Umrah, maka tidak sah jika ditinggalkan atau dilakukan dengan cara yang salah.

SYARAT TAWAF

1. Suci daripada dua hadas
2. Suci daripada najis pada badan, pakaian dan tempat tawaf
3. Menutup aurat
4. Niat tawaf (Sunnah/ Nazar/ Wada')
5. Bermula dari hajar aswad

6. Kaabah sentiasa di sebelah kirinya sepanjang tawaf
7. Berjalan bertujuan tawaf semata-mata
8. Tujuh kali pusingan dengan yakin
9. Di dalam Masjidil Haram dan di luar Hijir Ismail

SUNAT TAWAF

1. Berjalan kaki tanpa alas
2. Mengucup Hajar Aswad atau sekiranya tidak dapat, istilam atau isyarat sahaja dengan tangan dan mengucup tangannya di permulaan tawaf.
3. Idhtiba', menunjukkan bahu kanan. (Bagi lelaki)
4. Berlari-lari anak 3 pusingan pertama. (Bagi lelaki) Hanya pada tawaf yang selepasnya sa'ie.
5. Membaca zikir atau Al-Quran dan tidak bercakap perkara yang sia-sia.
6. Mengusap atau menyentuh rukun Yamani, jika dapat. Jika tidak, cukup dengan istilam dan memberi isyarat dari jauh dan tidak disunnahkan mengucup tangan.
7. Berturut-turut tujuh pusingan
8. Solat sunat tawaf dua rakaat belakang Maqam Ibrahim setelah selesai tawaf
9. Minum air zam zam sehingga kenyang

CARA MENGERJAKAN TAWAF

Sebelum anda memulakan tawaf, hendaklah terlebih dahulu anda mensucikan diri dari najis dan hadas. Kemudian menutup aurat, setelah itu masuklah ke Masjid Al-Haram dengan mendahulukan kaki kanan, sambil membaca doa masuk ke masjid.

Sebelum memulai tawaf eloklah anda berdiri di penjuru Hajar Al-Aswad atau di belakang garisan yang setentang dengannya. Menghadaplah ke Ka'abah dengan sepenuh tubuh sambil berniat tawaf.

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ

Aku niat tawaf di Kaabah ini tujuh kali pusingan kerana Allah Ta'ala.

Mulakan dengan mengucup Hajar Al-Aswad jika dapat, atau sentuhlah dengan tangan, jika tidak dapat juga cukuplah dengan isyarat sahaja (melambaikan tangan) ke arah Hajar Al-Aswad. Kemudian mengucup tangannya.

Berpaling dengan mengirikan Ka'abah. Mulalah berjalan ke hadapan mengelilingi Ka'abah sambil berdoa, berzikir, membaca Al-Quran dan sebagainya (mengikut keinginan masing-masing).

Dari garisan penjuru Hajar Al-Aswad itu dikira permulaan tawaf, setelah sampai di rukun Yamani disunatkan Istimam. Apabila di Hajar Al-Aswad seharusnya mengucupnya (jika ada kemudahan), jika tidak dapat sentuhlah dengan tangan, jika tidak dapat juga, cukuplah dengan melambaikan tangannya, kemudian mengucup tangannya, maka dengan sesampainya di Hajar Al-Aswad kembali dikira satu pusingan.

Setelah selesai satu pusingan, maka teruskanlah dengan pusingan yang kedua, ketiga dan seterusnya sampai tujuh pusingan dengan membaca doa yang baik-baik atau doa-doa yang terdapat di dalam kitab-kitab Haji/ Umrah.

Setelah selesai tawaf, disunatkan bersembahyang dua rakaat di belakang Makam Ibrahim, jika tidak dapat, sembahyang di mana-

أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَافِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

mana sahaja dalam Masjidil Haram.

Sengaja aku solat sunat Tawaf dua rakaat kerana Allah Ta'ala

Selepas membaca Al-Fatihah pada rakaat pertama bacalah Surah Al- Kafirun, dan pada rakaat kedua pula setelah membaca Al-Fatihah bacalah surah Al-Ikhlâs.


Setelah selesai sembahyang dan berdoa, pergilah ke rukun Hajar Al- Aswad dan mengucupnya jika dapat.

Setelah itu disunatkan pula minum air Zamzam sambil menghadap ke arah Kiblat dan berdoa untuk kebaikan dunia dan akhirah

JENIS TAWAF DAN NIAT

Ya Allah aku bermohon dariMu petunjuk, taqwa, pengampunan dan berpegang kepada makhluk. Ya Allah aku bermohon keredhaanMu dan syurgaMu, dan aku meminta perlindungan dari kemurkaanMu dan nerakaMu, dan segala percakapan dan perbuatan yang mendekatkan aku kepadanya.

Ya Allah, dengan cahayaMu berilah petunjuk kepada kami, dan kami meminta agar kami merasa cukup dengan kelebihanMu, dan sepanjang malam dan siang aku senantiasa dalam perlindunganMu, nikmatMu, pemberianMu dan kebaikanMu. Engkau yang pertama tiada sebelumMu sesuatu pon, dan Engkau yang kekal terakhir dan tiada sesuatu selepasMu. Kami meminta perlindungan kepadaMu dari kelemahan, kemalasan, azab kubur dan fitnah kekayaan. Dan kami meminta kejayaan memasuki syurgaMu.

KETIKA SAMPAI DI LAMPU HIJAU

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ،
إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ

Ya Allah ampunkanlah aku dan rahmatilah aku, dan maafkanlah aku dan muliakanlah aku, dan apa yang Engkau ketahui dari kesalahanku ampunkanlah sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang kami tidak ketahui, dan sesungguhnya Engkau maha Mulia.

KETIKA NAIK KE BUKIT SAFA

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا. وَ مَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ
شَاكِرٌ عَلِيمٌ

Sesungguhnya Safa dan Marwah dari syiar-syiar Allah, maka barangsiapa yang membuat Haji atau Umrah tidak mengapalah dia bertawaf (bersa'ie) dengannya dan barangsiapa yang menambah kebaikan, sesungguhnya Allah menerima syukur lagi mengetahui.

**BACAAN KETUJUH
DARI SAFA KE MARWAH**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا. اَللّٰهُمَّ حَبِّبْ اِلَيْنَا الْاِيْمَانَ
وَ زَيْنَهُ فِي قُلُوبِنَا وَ كَرِّهِ اِلَيْنَا الْكُفْرَ
وَ الْفُسُوقَ وَ الْعِصْيَانَ. وَ اجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِيْنَ.
اَللّٰهُمَّ اخْتِم بِالْخَيْرِ اَجَالَنَا،
وَ حَقِّقْ بِفَضْلِكَ اَمَالَنَا، وَ سَهِّلْ لِبُلُوغِ رِضَاكَ
سُبُلَنَا، وَ حَسِّنْ فِي جَمِيعِ الْاُخْوَالِ
اَعْمَالَنَا، يَا مُنْقِذَ الْغُرَقَى، يَا مُنْجِيَ الْهَلَكَى،
يَا قَلِيْمَ الْاِحْسَانِ، يَا دَائِمَ الْمَعْرُوفِ،
اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ عَائِدٌ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اَعْطَيْتَنَا،
وَ مِنْ شَرِّ مَا مَنَعْتَنَا، اَللّٰهُمَّ تَوَقَّنَا
مُسْلِمِيْنَ، وَ اَلْحِقْنَا بِالصَّالِحِيْنَ،
غَيْرَ خَزَايَا وَ لَا مَفْتُوْنِيْنَ.
رَبِّ يَسِّرْ وَ لَا تُعَسِّرْ، رَبِّ اَتِمِّمْ بِالْخَيْرِ.

Allah yang maha Besar (3x), dan segala puji bagi Allah. Ya Allah ya Tuhanku cintakanlah kami kepada keimanan dan hlaskanlah ia di dalam hati kami, dan bencikanlah kami kepada kekufuran dan kefasiqan dan maksilat. Dan jadikanlah kami daripada golongan orang-orang yang terpimpin.

Ya Allah kurniakanlah penghabisan yang baik bagi ajal kami, dan capaikanlah cita-cita kami dengan kurniaanMu. Dan mudahkanlah perjalanan kami untuk mencapai keredhaanMu, dan perbaikilah amalan- amalan kami dalam segala hal. Wahai yang menyelamatkan mereka yang kehanyutan, wahai yang memberi pertolongan kepada mereka yang dalam kekusutan dan kehancuran, wahai yang senantiasa memberi kebaikan, sesungguhnya aku meminta perlindungan dari keburukan pemberianMu, dan keburukan perkara yang Engkau tahan dari kami.

Wahai Tuhan kami, matikanlah kami dalam keadaan kami beriman kepadaMu, dan masukkanlah kami bersama golongan orang-orang yang soleh, dalam keadaan kami tidak dikecewakan dan terfitnah. Wahai Tuhan kami permudahkanlah dan janganlah Engkau susahkan urusan-urusan kami, dan berilah penghabisan yang baik buat kami.

KETIKA SAMPAI DI LAMPU HIJAU

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ،
إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ

Ya Allah ampunkanlah aku dan rahmatilah aku, dan maafkanlah aku dan muliakanlah aku, dan apa yang Engkau ketahui dari kesalahanku ampunkanlah sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang kami tidak ketahui, dan sesungguhnya Engkau maha Mulia.

KETIKA NAIK KE BUKIT MARWAH

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ. فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا. وَ مَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ
شَاكِرٌ عَلِيمٌ

Sesungguhnya Safa dan Marwah dari syiar-syiar Allah, maka barangsiapa yang membuat Haji atau Umrah tidak mengapalah dia bertawaf (bersa'ie) dengannya dan barangsiapa yang menambah kebaikan, sesungguhnya Allah menerima syukur lagi mengetahui.

DOA SELEPAS SAIE

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا، وَ عَافِنَا وَ اعْفُ عَنَّا،
وَ عَلَى طَاعَتِكَ وَ شُكْرِكَ أَعِنَّا،
وَ عَلَى غَيْرِكَ لَا تَكِلْنَا،
وَ عَلَى الْإِيمَانِ وَ الْإِسْلَامِ الْكَامِلِ
جَمِيعًا تَوْفِّقْنَا وَ أَنْتَ رَاضٍ عَنَّا، اَللَّهُمَّ ارْحَمْنِي
بِتَرْكِ الْمَعَاصِي أَبَدًا مَا أَبْقَيْتَنِي، وَ ارْحَمْنِي
أَنْ أَتَكَلَّفَ مَا لَا يَغْنِيْنِي،
وَ ارْزُقْنِي حُسْنَ النَّظَرِ فِيمَا يُرْضِيكَ عَنِّي،
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa kami, berilah kesihatan dan maafkanlah segala dosa kami. Dan bantulah kami dalam mentaatimu dan mensyukuriMu. Dan janganlah Engkau biarkan kami bergantung kepada selainMu. Dan matikanlah kami dalam keimanan dan keislaman yang sempurna dan dalam keadaan Engkau redha kepada kami.

Wahai Tuhan kami, rahmatilah kami dan bantulah kami dalam meninggalkan maksiat-maksiat sepanjang hayat kami, dan rahmatilah kami dengan tidak memberatkan kami dengan sesuatu yang tidak menyenangkan kami, dan kurniakan kepada kami sebaik-baik pandangan dalam perkara-perkara yang mendapatkan keredhaanMu kepada kami, wahai Tuhan yang maha Pengasih lagi maha Penyayang.

RUKUN 4:BERCUKUR/BERGUNTING

Bercukur atau bergunting adalah tahallul (keluar dari ihram) bagi ibadah umrah. Dan kadar yang wajib adalah dengan menggugurkan tiga helai rambut. Bagi lelaki, bercukur adalah lebih baik dari bergunting, kerana Rasulullah s.a.w mendoakan mereka yang bercukur tiga kali, sedangkan yang bergunting didoakan sekali sahaja. Sementara jemaah wanita pula hanya bergunting dari hujung rambut dan dilarang bercukur.

DOA KETIKA BERCUKUR/ BERGUNTING

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
هَذِهِ نَاصِيَّتِي بِيَدِكَ، فَاجْعَلْ لِي
بِكُلِّ شَعْرَةٍ نُورًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ،
وَ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي يَا وَاسِعَ الْمَغْفِرَةِ.

Allah yang maha Besar (3x), ya Allah ubun-ubun kepalaku ini di dalam kekuasaanMu, maka jadikanlah setiap helai rambut ini cahaya pada hari kiamat nanti, dan ampunkanlah dosaku wahai yang maha luas pengampunanNya.

DOA SELEPAS BERCUKUR/BERGUNTING

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي قَضَىٰ عَنِّي نُسُكِي.
اللَّهُمَّ آتِنِي بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةً،
وَ اَمَحْ عَنِّي بِهَا سَيِّئَةً. وَ اَرْفَعْ لِي بِهَا دَرَجَةً،
وَ اغْفِرْ لِي وَ لِلْمُحَلِّقِينَ وَ الْمُقَصِّرِينَ
وَ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ زِدْنَا إِيمَانًا وَ يَقِينًا،
وَ تَوْفِيقًا وَ عَوْنًا، وَ اغْفِرْ لَنَا
وَ لِآبَائِنَا وَ أُمَّهَاتِنَا. وَ صَلِّ اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ وَ سَلِّمْ.

Segala puji bagi Allah yang telah membantuku menyelesaikan ibadah Umrahku. Ya Allah berilah kurniakanlah kepadaku kebaikan dengan setiap rambut yang gugur ini, dan hapuskanlah dariku keburukan dengan gugurnya setiap rambut tersebut, dan naikkanlah dengannya darjatku di sisiMu, dan ampunkanlah aku dan mereka-mereka yang bergunting dan bercukur dan juga sekalian muslimin. Ya Allah tambahkanlah bagiku keimanan dan keyakinan, taufiq dan pertolongan, dan ampunkanlah kami dan kedua ibu bapa kami.

DOA SELEPAS TAWAF WADA'

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ
لَرَادُّكَ إِلَى مَعَادٍ، يَا مُعِذُ أَعْدِيٍّ،
و يَا سَمِيعُ إِسْمِعْنِي، يَا جَبَّارُ أَجْبِرْنِي،
و يَا سَتَّارُ أَسْتُرْنِي، و يَا رَحْمَنُ ارْحَمْنِي،
و يَا رَادُّ أَرُدُّنِي إِلَى بَيْتِكَ هَذَا،
و ارزُقْنِي إِلَيْهِ الْعُودَ ثُمَّ الْعُودَ كَرَّاتٍ
بَعْدَ مَرَّاتٍ تَائِبِينَ عَابِدِينَ سَائِحِينَ
لِرَبِّنَا حَامِدِينَ. ، صَدَقَ وَعْدُهُ،
و نَصَرَ عَبْدَهُ، وَ هَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.
اَللّٰهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَةَ وَ الْعَافِيَةَ
وَ الْغَنِيْمَةَ لَنَا وَ لِعَبِيدِكَ الْحُجَّاجِ

وَ الزُّوَارِ لِبَيْتِكَ وَ الْغُرَاةِ وَ الْمُسَافِرِينَ
 وَ الْمُقِيمِينَ فِي بَرِّكَ وَ بَحْرِكَ وَ فَضَائِكَ
 مِنْ أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ أَجْمَعِينَ. اَللّٰهُمَّ احْفَظْنِي عَنْ يَمِينِي،
 وَ عَنْ يَسَارِي، وَ مِنْ قُدَّامِي، وَ مِنْ وَرَاءِ ظَهْرِي،
 وَ مِنْ فَوْقِي، وَ مِنْ تَحْتِي حَتَّى تُوصِلَنِي
 إِلَى أَهْلِي وَ بَلَدِي. أَسْأَلُكَ أَلَا تُخْلِيَنِي
 مِنْ رَحْمَتِكَ طَرْفَةَ عَيْنٍ وَ لَا أَقَلَّ مِنْ ذَلِكَ.
 اَللّٰهُمَّ كُنْ لَنَا صَاحِبًا فِي سَفَرِنَا
 وَ خَلِيفَةً فِي أَهْلِنَا، وَ اطمِسْ عَلَى وُجُوهِ أَعْدَائِنَا
 وَ امسُخْهُمْ عَلَى مَكَانَتِهِمْ
 فَلَا يَسْتَطِيعُونَ الْمَضِيَّ وَ لَا الْمَجِيءَ إِلَيْنَا.
 اَللّٰهُمَّ لَا تَجْعَلَ هَذَا آخِرَ عَهْدِي بِبَيْتِكَ الْحَرَامِ،
 وَ إِن جَعَلْتَهُ آخِرَ عَهْدِي فَعَوِّضْنِي الْجَنَّةَ
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Sesungguhnya Dia yang menurunkan Al-Quran kepadamu pasti akan kembalikanmu (setelah dikeluarkan dari sana) ke tempat yang engkau rindui wahai Muhammad (yaitu Makkah).

Wahai Tuhan yang memberi perlindungan, lindungilah aku, wahai Tuhan yang maha mendengar, perkenanlah doaku, wahai Tuhan yang maha gagah perkasa, perbaikilah diriku, wahai Tuhan yang menutupi segala keaiban, tutuplah aibku, wahai Tuhan yang maha pemurah, rahmatilah aku, wahai Tuhan yang berkuasa mengembalikan sesuatu, kembalikanlah aku ke rumahMu ini. Dan kurniakanlah kepadaku rezeki yang luas agar aku dapat sentiasa kembali ke rumahMu ini dalam keadaan aku sentiasa bertaubat, beribadat dan sentiasa memujiMu.

Wahai Tuhan yang Esa, yang berpegang kepada janjiNya, dan menolong hambaNya, dan memuliakan tenteraNya. Ya Allah, kurniakanlah keselamatan, kesihatan dan keuntungan kepada hamba-hambaMu yang ingin mengerjakan Haji, kepada yang menziarahi rumahMu, kepada para musafir dan orang-orang yang bersungguh-sungguh di dalam mencari keredhaanMu daripada umat Nabi Muhammad s.a.w.


Ya Allah, peliharalah aku dari segenap pihak, kanan, kiri, hadapan, belakang, atas dan bawahku sehingga aku kembali kepada keluargaku dan negeriku. Ya Allah aku bermohon dariMu agar tidak menjauhkan aku dari rahmatMu walau sekelip mata sekalipun. Ya Allah jadilah teman buatku dalam perjalananku ini dan penjaga buat keluargaku. Dan hancurkanlah musuh-musuhku dan tetapkanlah mereka sehingga mereka tidak dapat bergerak dan datang kepada kami.

Ya Allah janganlah Engkau jadikan tawaf ini sebagai temu janji terakhir buatku, tetapi sekiranya ianya yang terakhir maka aku mohon syurga menjadi gantian bagi pertemuanku denganMu, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Pengasih di antara semua yang mengasihani.

BAHAGIAN 2

MADINAH

DOA APABILA KEIHATAN RUMAH-RUMAH
DI MADINAH



Ya Allah sesungguhnya ia adalah Tanah Haram NabiMu, Engkau telah mengharamkannya menerusi lidah NabiMu, maka jadikanlah ianya penyelamat bagiku dari api neraka.

ADAB DI KOTA MADINAH

ADAB MASUK KOTA RASULULLAH SAW

Digalakkan semua jemaah ketika sampai di hotel Madinah supaya sujud syukur di bilik hotel kerana mensyukuri nikmat berjumpa Rasulullah s.a.w dan nikmat duduk di Madinah.

Digalakkan bila bersiar-siar di Madinah dalam keadaan

Memperbanyakkan selawat, tasbih dan istighfar.

ADAB ZIARAH NABI S.A.W

1. Membaca doa masuk Masjid Nabawi.
2. Sebelum memberi salam, solat sunat Tahiyatul Masjid dan solat sunat Dhuha jika masuk pada waktu pagi.
3. Memberi salam menghadap ke arah makam Rasulullah s.a.w dengan tidak mengangkat tangan (menghadap ke pintu makam).
4. Bila memberi salam, tidak mengeraskan atau meninggikan suara atau meminta-minta satu perkara kepada Rasul s.a.w.
5. Bila berdoa selepas salam, jangan membelakangkan Nabi s.a.w dan kedua-dua sahabatnya, melainkan bergerak ke arah kiri atau kanan menghadap kiblat dan mengangkat kedua tangan.
6. Bila berdoa, jangan lupa memulakan dengan *Alhamdulillah* dan selawat kepada Nabi s.a.w.

ADAB MASUK MASJID NABAWI

ADAB MASUK MASJID NABI SAW

رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ، وَ أَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ،
وَ اجْعَلْ لِي مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا نَصِيرًا. اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلٰى آلِهِ، وَ اغْفِرْ لِيْ ذُنُوْبِيْ وَ افْتَحْ لِيْ
اَبْوَابَ رَحْمَتِكَ، وَ اَدْخِلْنِيْ فِيْهَا يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Tuhanku, masukkanlah aku dengan kebenaran, keluarkanlah aku dengan kebenaran dan jadikanlah bagiku kekuatan yang dapat membantuku. Ya Allah, cucurilah selawatMu atas Nabi Muhammad dan keluarganya, dan ampunilah dosaku dan bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmatMu dan masukkanlah aku ke dalamnya.

DOA SEMASA DI RAUDHAH

Setelah masuk ke dalam masjid, solat dua rakaat sunnat Tahiyatul Masjid. Kalau boleh masuklah ke Raudhah kemudian baca doa ini.

اَللّٰهُمَّ هٰذِهِ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ،
شَرَّفْتَهَا وَكَرَّمْتَهَا بِنُورِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ ﷺ.
فَاخْشُرْنِي فِي زُمْرَتِهِ، وَ اَمِّتْنِي عَلَى مَحَبَّتِهِ وَ سُنَّتِهِ،
وَ اسْقِنِي مِنْ حَوْضِهِ وَ يَدِّهِ الشَّرِيفَةِ
شُرْبَةً هَنِئْنَةً لَا اَظْمَأُ بَعْدَهَا اَبَدًا،
اِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَ صَلَّى اللهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ
وَ سَلَّمَ. وَ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah, sesungguhnya inilah satu dari taman-taman syurga yang telah Engkau muliakan dan Engkau terangi dengan cahaya Nabi Muhammad s.a.w maka himpunkanlah aku di dalam kumpulannya dan matikanlah aku atas kecintaan kepadanya dan sunnahnya. Dan berikanlah aku minum dari telaganya dan daritangannya yang mulia dengan minuman yang memuaskan yang tidak akan haus lagi selepasnya. Sesungguhnya Engkau amat berkuasa atas segala sesuatu. Juga selawat dan salam dari Allah atas penghulu kami Nabi Muhammad berserta keluarga dan para sahabatnya, demikianlah jugasegalapujibagi Allah, Tuhan seluruh alam

MEMBERI SALAM PADA NABI S.A.W

Setelah selesai solat, bangunlah untuk ziarahi makam Baginda yang mulia dan berdiri di hadapannya dengan penuh hormat dan menundukkan kepala, sambil mengucapkan salam.

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا السَّيِّدُ الْكَرِيمُ،
وَالرَّسُولُ الْعَظِيمُ، وَالرُّؤُوفُ الرَّحِيمُ،
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ.
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا صَفْوَةَ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَيْرَةَ اللَّهِ.
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَبِيبَ اللَّهِ.
أَشْهَدُ أَلَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَنَّكَ عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّكَ بَلَّغْتَ الرِّسَالَهَ،
وَأَدَّيْتَ الْأَمَانَةَ، وَنَصَحْتَ الْأُمَّةَ،
وَجَاهَدْتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ،
فَجَزَاكَ اللَّهُ عَنَّا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْضَلَ الْجَزَاءِ.

Sejahtera atasmu wahai Penghulu yang mulia, Rasul yang agung, yang pelembut dan penyayang serta rahmat Allah dan berkatNya atasmu, sejahtera atasmu wahai Nabi pilihan Allah. Wahai kekasih Allah, aku menyaksikan tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa yang tiada sekutu bagiNya, dan Tuan adalah hamba dan pesuruhNya, dan aku menyaksikan bahawa Tuan

telah menyampaikan utusan, menunaikan amanah, menasihatkan umat dan telah berjuang pada Jalan Allah dengan sebenar-benar perjuangan. Tuhan sahajalah yang membalas kepada Tuan dengan sebaik-baik balasan.

Kemudian beredar kadar sehasta lalu memberi salam kepada Khalifah Abu Bakar Ash-shiddik r.a.:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَلِيفَةَ رَسُولِ اللَّهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ

فِي الْغَارِ. فَلَقَدْ نَصَرْتَ الْإِسْلَامَ، وَوَصَلْتَ الْأَرْحَامَ،

وَلَمْ تَزَلْ قَائِمًا بِالْحَقِّ حَتَّى أَتَاكَ الْيَقِينُ.

Sejahtera atasmu wahai Khalifah Rasulullah wahai sahabatnya semasa di dalam gua. Sesungguhnya kamu telah membantu mengembangkan Islam, dan menghubungkan silaturrahim dan terus menegakkan kebenaran hingga akhir hayatmu.

Kemudian beredar lagi sehasta memberi salam kepada Khalifah Umar Alkhatab r.a.:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَنَا عُمَرَ بْنَ الْخُطَّابِ،

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَاطِقًا بِالصَّوَابِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَنْ أَعَزَّ الْإِسْلَامَ،

وَأَذَلَّ بِهِ الْفَجْرَةَ الطُّغَامِ.

Sejahtera atasmu wahai orang yang bercakap dengan kebenaran. Sejahtera atasmu wahai orang yang dimuliakan Allah dengannya Islam, dan terhina segala musuh-musuh yang jahat.

Kemudian kembali ke Maqam Rasulullah s.a.w dan berdoa:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ عَلَيْكَ كِتَابًا صَادِقًا

قَالَ فِيهِ: (وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ

جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَ اسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ،

لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا). وَ قَدْ جِئْتُكَ

مُسْتَغْفِرًا مِنْ ذَنْبِي، مُسْتَشْفِعًا بِكَ إِلَى رَبِّي،

فَاشْفَعْ لِي يَا شَفِيعَ الْأُمَّةِ، وَ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ

يَا نَبِيَّ الرَّحْمَةِ. وَ الصَّلَاةُ وَ السَّلَامُ عَلَيْكَ

وَ عَلَى سَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْسَلِينَ.

Segala puji bagi Allah, Tuhan Penguasa seluruh alam. Ya Allah, selawat dan salam atas Penghulu kami Muhammad serta keluarga dan sahabatnya.

Sejahtera atasmu wahai junjungan kami Rasulullah. Bahawasanya Allah telah menurunkan atasmu kitabNya yang benar, dan Dia berfirman di dalamnya: "Sekiranya mereka yang telah menganiaya diri mereka itu datang kepadamu dan memohon keampunan kepada Allah, dan Rasul juga meminta pengampunan untuk mereka, nescaya mereka dapati Allah itu Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.

Maka inilah aku datang memohon ampun dari dosaku kepada Allah dan memohon syafaat dengannya kepada Tuhanku, maka berilah aku syafaat kelak wahai pemberi syafaat kepada umat, dan selamatkanlah aku dari api neraka, wahai Nabi pembawa rahmat selawat dan salam atasmu dan atas sekalian para Nabi dan Rasul.

MENYAMPAIKAN SALAM SAUDARA

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ

وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. يَا رَسُولَ اللَّهِ،

جِئْتُكَ نَائِبًا وَ زَائِرًا عَنْ مُسَلِّمًا عَنْهُ،

سَائِلًا مِنْكَ الشَّفَاعَةَ لَهُ فِي غُفْرَانِ ذُنُوبِهِ،

فَأَشْفَعْ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ.

Sejahtera atasmu wahai Nabi serta rahmat Allah dan berkatNya, wahai Penghuluku, wahai Rasulullah. Aku datang datang menyampaikan salam daripada _____, dia memohon syafaat daripadamu untuk mendapatkan pengampunan bagi dosanya. Berilah syafaat di sisi Allah kepadanya wahai Rasulullah.

DOA ZIARAH PERMAKAMAN BAQI'

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ،
وَ إِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ،
أَنْتُمْ سَلَفُنَا وَ نَحْنُ بِالْآثَرِ، يَغْفِرُ اللَّهُ لَنَا
وَ لَكُمْ وَ يَرْحَمُ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنْكُمْ
وَ الْمُسْتَأْخِرِينَ، اَللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُمْ
وَ لَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُمْ وَ اغْفِرْ لَنَا وَ لَهُمْ،
اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ الْبَقِيعِ الْغَرَقَدِ.

Salam sejahtera ke atasmu wahai orang-orang mukmin yang tinggal di sini, sesungguhnya kami akan mengikuti kamu, kamu adalah orang-orang yang terdahulu dari kami, dan kami adalah pengikut-pengikutmu. Mudah-mudahan Tuhan mengampunkan kami dan kamu, dan mengasihani mereka yang terdahulu dan terkemudian. Ya Allah, janganlah Engkau kecewakan kami dari mendapat pahala amalan mereka dan janganlah Engkau fitnahkan kami selepas mereka. Ampunilah dosa kami dan mereka, dan ampunilah dosa Ahli Baqi

1. MAQAM AHLI BAIT

(Abbas, Fatimah, Hassan, Ali Bin Hussein, Ja'far Sodiq)

Jika berpeluang menziarahi kubur sayyidina Abbas, Sayyidatina Fatimah Az Zahra, Sayyina Hassan bin Ali, Sayyidina Hussin, Sayyidina Muhammad Al Baqir, Sayyidina Al Sadiq, Bacalah :

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبَّاسُ عَمَّ رَسُولُ اللَّهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَمَّ نَبِيِّ اللَّهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَةَ فَاطِمَةَ الزَّهْرَاءِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَةَ نِسَاءِ الْعَالَمِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ يَا حَبَّ رَسُولِ اللَّهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَنْ قَالَ فِي حَقِّكَ

جَدُّكَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ ((اللَّهُمَّ إِنِّي أُحِبُّهُ فَأَحِبَّهُ))

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَ شَبَابِ أَهْلِ الْجَنَّةِ،

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَلِيَّ بْنَ الْحُسَيْنِ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا جَعْفَرَ الصَّادِقُ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَهْلَ بَيْتِ النَّبُوَّةِ

وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Abas, bapa saudara Rasulullah, salam sejahtera ke atas engkau wahai bapa saudara Nabi Allah, salam sejahtera ke atas Engkau wahai Saiyidatina Fatimuz Zahrah, salam sejahtera ke atas engkau wahai ketua daripada segala perempuan yang Mu'min, salam sejahtera ke atas wahai ibu bagi kedua pemuda Hassan bin Ali kesayangan Rasulullah, salam sejahtera keatas engkau orang yang telah didoakan akan dikau oleh datuk engkau Saiyidina Muhammad dengan katanya: Ya Allah, kusayangkannya, maka kasihi olehMu akan dia, salam sejahtera ke atas engkau wahai Ali bin Hussein Zainal Abidin, salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Jaafar As-Saddiq, salam sejahtera ke atas kamu wahai sekalian keluarga Nabi warahmatullahi wabarakatuh.

2. MAQAM PUTERI-PUTERI RASULULLAH

(Ummu Kalthum, Ruqayyah, Zainab)

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا بَنَاتَ رَسُولِ اللَّهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا بَنَاتِ نَبِيِّ اللَّهِ

وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Salam sejahtera ke atas kamu wahai puteri-puteri Rasulullah, salam sejahtera ke atas kamu wahai puteri-puteri Nabi Allah, warahmatullahi wabarakatuh.

3. MAQAM ISTERI-ISTERI RASULULLAH

(Aisyah, Saudah, Hafsa, Ummu Salamah, Sofiyah, Juweriyah, Ummu Habibah, Zainab binti Jahsen, Zainab Kuzaimah, Radhiyallahu anhum ajma'in):

السَّلَامُ عَلَيْكُنَّ يَا أَزْوَاجَ رَسُولِ اللَّهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكُنَّ يَا أَزْوَاجَ نَبِيِّ اللَّهِ

أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنْهُنَّ وَارْفَعْ دَرَجَتَهُنَّ

وَ أَكْرِمْ مَقَامَهُنَّ وَ أَجْزِلْ ثَوَابَهُنَّ.

Salam sejahtera ke atas kamu wahai isteri-isteri Rasulullah, salamsejahtera ke atas engkau wahai isteri-isteri Nabi Allah, ibu-ibu bagi orang Mu'minin warahmatullahi wabarakatuh, ya Allah kurniakanlah keredhaanMu kepada mereka, tinggikanlah pangkat dan darjat mereka; muliakanlah kedudukan mereka, gandakanlah pahala amalan-amalan mereka. Amin.

4. MAQAM ABU SUFYAN, AQIEL BIN ABI
TOLIB DAN JA`FARAT-TAYYAR

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا سُفْيَانَ بْنِ الْحَارِثِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَخَا رَسُولِ اللَّهِ مِنَ الرِّضَاعَةِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ عَقِيلُ بْنُ أَبِي طَالِبٍ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ ذِي الْجَنَاحَيْنِ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَبْنَاءَ عَمِّ رَسُولِ اللَّهِ

وَعَلَى مَنْ حَوْلَكُمْ مِنْ أَصْحَابِهِ

وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Abi Sufian bin Al-Haris. Salam sejahtera di atas engkau wahai saudara susu Rasulullah, salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Aqil bin Abi Talib, salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Abdullah bin Jaafar At-Tayya, salam sejahtera ke atas engkau wahai saudara-saudara sepupu Rasulullah dan salam sejahtera ke atas mereka yang berada di sekeliling kamu daripada sahabat-sahabat Rasulullah warahmatullahi wabarakatuh.

5. MAQAM SAFIAH BINTI ABI THOLIB

(Bibi Rasulullah)

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا صَفِيَّةَ عَمَّةَ رَسُولِ اللَّهِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أُمَّ الزُّبَيْرِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera ke atas engkau wahai Nafi' Maula Abdullah bin Umar Syeikh Malik Imam Darulhijrah. Ya Allah kurniakanlah serta gandakanlah balasan amalan dan muliakanlah kedudukannya. Amin.

6. MAQAM IMAMNAFI'

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَافِعُ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ

شَيْخِ مَالِكٍ إِمَامِ دَارِ الْهِجْرَةِ، اَللَّهُمَّ أَجِرْ ثَوَابَهُ وَ أَكْرِمْ نُزُلَهُ.

Salam sejahtera ke atas engkau wahai Nafi' Maula Abdullah bin Umar Syeikh Malik Imam Darulhijrah. Ya Allah kurniakanlah serta gandakanlah balasan amalan dan muliakanlah kedudukannya. Amin.

7. MAQAM IMAMMALIK

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ إِمَامِ دَارِ الْهِجْرَةِ.

جَزَاكَ اللَّهُ عَنْ أُمَّةِ رَسُولِ اللَّهِ خَيْرَ الْجَزَاءِ

Salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Malik bin Anas Imam Darulhijrah. Allah yang akan memberi balasan di atas segala amalan kebajikan engkau yang telah engkau lakukan untuk kebaikan dan kebajikan umat Muhammad sebaik-baik ganjaran.

8. MAQAM IBRAHIM

(Putera Rasulullah)

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا فَاطِمَةُ بِنْتُ أَسَدٍ

وَا يَا مَنْ كَفَنَهَا النَّبِيُّ ﷺ بِقَمِيصِهِ

وَلَحَدَهَا بِيَدِهِ الشَّرِيفَةِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ

يَا عُثْمَانُ بْنُ مَظْعُونٍ أَخَا النَّبِيِّ ﷺ فِي الرِّضَاعِ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ عَوْفٍ

صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَ أَحَدَ الْعَشْرَةِ الْمُبَشِّرِينَ

بِالْجَنَّةِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ

صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَ أَحَدَ الْعَشْرَةِ الْمُبَشِّرِينَ

بِالْجَنَّةِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودٍ

صَاحِبَ سِرِّ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَ سِوَاكِهِ

وَ نَعْلَيْهِ وَ طَهُورِهِ فِي السَّفَرِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ

يَا خُنَيْسُ بْنُ خَدَافَةَ صَاحِبَ
 رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَسْعَدُ بْنُ زُرَّارَةَ
 السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا إِبْرَاهِيمَ بْنَ رَسُولِ اللَّهِ.
 السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رُقَيَّةُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ.
 صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ
 يَا أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَ رَحْمَةُ اللَّهِ وَ بَرَكَاتُهُ.
 اَللّٰهُمَّ اَرْضْ عَنْهُمْ وَ اَرْفَعْ دَرَجَتَهُمْ.

lam sejahtera di atasmu wahai Ibrahim putera Rasulullah, salam
 sejahtera ke atas engkau wahai Ruqaiyah puteri Rasulullah,
 salam sejahtera ke atas engkau wahai Fatimah binti Asad,
 wahai orang yang telah dikafankan dikau oleh Nabi
 Muhammad dengan bajunya, dan mengkebumikan dikau
 dengan tangannya yang mulia, salam sejahtera ke atas
 engkau wahai Saiyidina Othman bin Maz'un saudara sesusu
 Rasulullah, salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina
 Abdul Rahman bin Auf sahabat Rasulullah, salah seorang
 daripada sepuluh yang dijamin masuk syurga, salam
 sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Saad bin Waqas,
 sahabat Rasulullah, salah seorang dijamin masuk syurga,
 salah sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Abdullah
 bin Mas'ud, penyimpan rahsia Rasulullah, pembawa kasut,
 alat sugi dan alatan Rasulullah dalam perjalanan, salam
 sejahtera ke atas engkau wahai Khunais bin Huzafah
 sahabat Rasulullah, salam

sejahtera ke atas engkau wahai Saad bin Zararah sahabat Rasulullah, salam sejahtera ke atas kamu wahai sekalian sahabat Rasulullah. Ya Allah, ya tuhan kurniakanlah keredhaanMu kepada mereka, tinggikanlah pangkat dan darjat mereka, tambahkanlah pahala mereka. Amin.

9. MAQAM SHUHADAHARRAH

الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا شُهَدَاءَ حَرَّةَ،

أَنْتُمْ سَابِقُونَ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ،

وَ إِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ.

أَنْتُمْ سَابِقُونَ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ.

وَ نَحْنُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ.

Assalamualaikum wahai para syuhadaa' Harrah Al-Fatihah: Kamu telah mendahului menemui Tuhanmu dan kami insyaallah akan menurutimu.

10. MAQAM HALIMAHASSA'DIYAH

(Ibu susuan Rasulullah)

الْسَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَلِيمَةَ السَّعْدِيَّةِ الْمَرْضِعُ خَيْرَ الْأَنَامِ مُحَمَّدًا ﷺ

Assalamualaikum wahai ibu yang menyusukan kekasih Allah, Al-Fatihah buat ibu tercinta.

11. MAQAM KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا ذَا النُّورَيْنِ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّان.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا ثَالِثَ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُجَهِّزَ جَيْشِ الْعُسْرَةِ بِالنَّقْدِ

وَالْعَيْنِ، وَ يَا جَامِعَ الْقُرْآنِ بَيْنَ الدُّفْتَيْنِ،

جَزَاكَ اللَّهُ عَنْ أُمَّةٍ رَسُولِ اللَّهِ خَيْرَ الْجَزَاءِ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنْهُ وَ ارْفَعْ دَرَجَتَهُ

وَ أَكْرِمْ مَقَامَهُ وَ أَجْزِلْ ثَوَابَهُ.

Salam sejahtera ke atas engkau wahai Saiyidina Othman yang mempunyai dua cahaya, salam sejahtera ke atas engkau wahai Khalifah Rasulullah yang ketiga, salam sejahtera ke atas engkau wahai orang yang telah memperbekalkan senjata, harta benda dan wang ringgit kepada bala tentera Islam dalam masa kesusahan dan kepicingan, salam sejahtera di atas engkau wahai orang yang telah mengumpulkan Al Quranul Karim, mudah-mudahan Tuhan akan memberi ganjaran sebaik-baik pembalasan di atas segala amalan engkau demi untuk kebaikan dan kebajikan umat Muhammad. Ya Allah, ya Tuhanku tinggikanlah pangkat dan darjat kebesarannya, muliakanlah kedudukannya dan kurniakan balasan pahala kepadanya. Amin.

12. MAQAM ABU SAID AL-KHUDRI & SAAD BIN MU'AZ

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ
صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ
يَا رَاوِيَ أَحَادِيثِ نَبِيِّ اللَّهِ،
جَزَاكَ اللَّهُ عَنْ أُمَّةٍ رَسُولِ اللَّهِ خَيْرَ الْجَزَاءِ،
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَعْدُ بْنُ مَعَاذٍ
صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ
يَا مَنْ اِهْتَمَرَ لِمَوْتِهِ عَرْشُ الرَّحْمَنِ،
جَزَاكَ اللَّهُ عَنْ أُمَّةٍ رَسُولِ اللَّهِ خَيْرَ الْجَزَاءِ.

Salam sejahtera wahai Abi Said Al-Khudri sahabat Rasulullah salam sejahtera ke atas engkau wahai orang yang meriwayatkan hadis Rasulullah. Tuhanlah yang memberi sebaik-baik ganjaran di atas segala amalan kebajikan engkau demi untuk kebaikan dan kebajikan umat Muhammad. Salam sejahtera ke atas engkau wahai Saad bin Mu'az sahabat Rasulullah salam sejahtera ke atas engkau wahai orang yang telah bergegar Arasy dengan kematianmu, moga-moga Allah memberi sebaik-baik ganjaran di atas amalan engkau demi untuk kebaikan dan kebajikan umat Muhammad.

JABAL UHUD

Seorang yang telah sampai ke Madinah selayaknya menziarahi Jabal Uhud dan perkuburan yang ada di situ. Kerana di situlah terletak kubur para Syuhada Saiyidina Hamzah, Abdullah bin Jahasy, Mush'ab bin Umair r.a. dan ramai lagi tentera-tentera Islam yang gugur di dalam peperangan Uhud.

DOA SEMASA MENZIARAHI PEMAKAMAN SYUHADA DI UHUD

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَمْرَةَ عَمِّ رَسُولِ اللَّهِ،

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَ الشُّهَدَاءِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ

يَا أَسَدَ اللَّهِ وَ أَسَدَ رَسُولِهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ

يَا عَبْدَ اللَّهِ بْنَ جَحْشٍ، السَّلَامُ عَلَيْكَ

يَا مُصَنَّبَ بْنَ عُمَيْرٍ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

يَا شُهَدَاءَ أَحَدٍ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ

فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ. اللَّهُمَّ أَجْزِهِمْ عَنِ الْإِسْلَامِ

وَ أَهْلِهِ أَفْضَلَ الْجَزَاءِ، وَ أَجْزِلْ ثَوَابَهُمْ

وَ أَكْرَمْ مَقَامَهُمْ وَ ارْفَعْ دَرَجَاتِهِمْ بِمَنِّكَ

وَ كَرَمِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

Salam sejahtera atasmu wahai Saiyidina Hamzah (bapa saudara Rasulullah), salam sejahtera atasmu wahai penghulu bagi para syuhada, salam sejahtera atasmu wahai singa Allah dan singa Rasulullah.

Salam sejahtera atasmu wahai Saiyidina Abdullah bin Jahsy. Salam sejahtera atasmu wahai Saiyidina Mush'ab bin Umair. Salam sejahtera atas mu wahai orang-orang yang gugur di dalam peperangan Uhud. Salam sejahtera atas kamu di atas kesabaran menghadapi musuh untuk menegakkan kebenaran Islam, iaitu sebaik-baik balasan yang akan kamu terima dari Allah.

Ya Allah, ya Tuhanku, gandakanlah pahala amalan mereka yang telah dilakukan untuk kesucian agama Islam dan penganutnya. Tinggikanlah pangkat dan darjat mereka dengan kemurahanMu, wahai Tuhan yang amat Pemurah.

**DOA DI TEMPAT YANG DIKUNJUNGI SAMA ADA DI
MAKKAH, MADINAH ATAU DI MANA TEMPAT
ISLAM BERTAMADUN:**

اَللّٰهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا وَ عَافِنَا وَ اعْفُ عَنَّا،

اَللّٰهُمَّ تَوَقَّنَا مُسْلِمِيْنَ، وَ اَلْحِقْنَا بِالصَّالِحِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اُوَدِّعْتُ هَذَا الْمَحَلَّ الشَّرِيْفَ

مِنْ يَوْمِنَا هَذَا اِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ خَالِصًا مُّخْلِصًا،

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللهُ وَ اَنْ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَ رَسُوْلُهُ.

Ya Allah, ya Tuhan kami, perkenankanlah doa kami, afiatkanlah kami, maafkanlah kesalahan kami, matikanlah kami di dalam Islam, hidupakanlah kami di dalam Islam, himpulkanlah kami dengan orang-orang yang soleh. Ya Allah, ya Tuhanku, abadikanlah tempat suci ini dari hari ini hingga kiamat dengan penuh kesucian. Aku menyaksikan tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menyaksikan bahawa Nabi Muhammad itu hamba dan pesuruhNya. [Baca Al-Fatihah]

DOA ZIARAH WADA'

اَللّٰهُمَّ لَا تَجْعَلْهُ آخِرَ الْعَهْدِ
مِنْ هَذَا الْمَكَانِ الشَّرِيفِ، وَ ارْزُقْنِيْ اِلَيْهِ الْعَوْدَةَ
فِيْ خَيْرٍ وَ عَافِيَةٍ وَ صِحَّةٍ وَ سَلَامَةٍ،
اِنْ عِشْتُ اِنْ شَاءَ اللّٰهُ جِئْتُ، وَ اِنْ مِتُّ
اُودِعْتُ عِنْدَكَ شَهَادَتِيْ وَ اَمَانَتِيْ وَ عَهْدِيْ

وَ مِثَاقِي مِنْ يَوْمِنَا هَذَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ،
 وَ هِيَ : شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
 وَ شَهَادَةُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَ رَسُولُهُ.
 سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ
 وَ سَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ
 وَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Ya Tuhanku, janganlah Engkau jadikan ziarah hambaMu di tempat yang mulia ini sebagai ziarah yang penghabisan, kumiakanlah kepada hamba peluang untuk menziarahi kembali tempat ini di dalam sihat, jika panjang umur hamba, insyaallah hamba akan datang lagi. Jika sampai ajal hamba, maka hamba telah mengabadikan kepadaMu 'syahadat dan perjanjian hamba' dari hari ini sehingga hari kiamat, iaitu: 'Hamba bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah, Tuhan yang Esa yang tidak ada sekutu baginya, dan hamba bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu hambaNya dan pesuruhNya.' Maha suci Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan, dari apa yang mereka sifatkan. Salam sejahtera ke atas sekalian Rasul serta segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Tuhan yang memiliki seluruh alam.